

# Umno NS sokong tindakan pimpinan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Umno Negeri Sembilan telah menyatakan sokongan penuhnya terhadap apa juga tindakan yang akan diambil oleh pucuk pimpinan parti berhubung dengan soal pindaan perlembagaan yang dihadapi sekarang.

Ketua Perhubungan Umno Negeri, Datuk Rais Yatim berkata, di sini hari ini, keputusan tersebut diambil dalam mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Negeri di Seremban pada 20 Oktober lalu.

## Kesedaran

Mesyuarat itu yang dihadiri oleh semua anggota Jawatankuasa Perhubungan, juga menolak dakwaan setengah-setengah pihak yang menyatakan kononnya pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen dalam bulan Ogos lalu itu menjejaskan kedudukan Raja-Raja.

Datuk Rais yang juga Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah berkata,

keputusan itu dibuat secara serbul suara.

Beliau berkata, kesedaran teknologi komputer yang meningkat menyebabkan berta penggunaan komputer dalam bidang perdagangan, ekonomi, industri dan kegiatan-kegiatan saintifik.

Katanya, sektor swasta dapat memainkan peranan yang positif dalam usaha memajukan industri komputer secara memberi sokongan kepada pusat-pusat pengajian tinggi untuk mengembangkan sekolah-sekolah komputer mereka.

Ini adalah selaras dengan konsep 'Persyarikatan Malaysia' yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Katanya, universiti-universiti di negara ini seharusnya mengimbangkan aspek teori dan amali sains komputer dalam program-program latihan masing-masing.

Dengan demikian sebarang keputusan yang diambil sekarang akan mempengaruhi masa depan industri komputer di rantau ini. — Bernama.